



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN PENDAFTAR

Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000
Faks : +6088-320243 / 320047
Emel : papenums@ums.edu.my

Ruj.Kami : UMS/PEND2.1/500-2/2/5 (12)

Tarikh : 10 Julai 2017

SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempelawa staf akademik yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) dengan mengemukakan:

- a) Borang permohonan (Lampiran B) yang telah lengkap diisi beserta gambar berukuran passport dan *Curriculum Vitae (CV)* terkini beserta dokumen sokongan berkaitan; dan
- b) Key Performance Indicator (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa).

3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **20 Julai 2017 (Khamis)**. Bersama ini dilampirkan hebahan iklan berkaitan untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

TALIB ABDULLAH SHANI

Timbalan Pendaftar
Bahagian Pentadbiran dan Governan
Jabatan Pendaftar
b.p Pendaftar

s.k Pendaftar



Certified to ISO9001 : 2008
Cert. No: AR 3088

BERTEKAD CEMERLANG

www.ums.edu.my



Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya,
76100 Durian Tunggal,
Melaka, Malaysia.

Tel : +606 555 2000
Faks : +606 331 6247
www.utm.edu.my

11 3.500

PEJABAT PENDAFTAR

Tel : +606 555 2000 | Faks : +606 331 6114

Rujukan Kami (Our Ref) : UTeM(S).02.03.03/500-18/8/2 (/ 8)
Rujukan Tuan (Your Ref) :



Ramadhan 1438H
19 Jun 2017

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

السَّلَامَةُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa UTeM mempelawa semua staf akademik yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UTeM dengan mengemukakan:

2.1 Borang permohonan (Lampiran B) yang telah lengkap diisi berserta gambar berukuran pasport dan *Curriculum Vitae* (CV) terkini berserta dokumen sokongan berkaitan.

2.2 *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

3. Bersama ini dilampirkan Iklan Jawatan (**Lampiran A**) dan Borang Permohonan (**Lampiran B**) untuk pengumuman dan hebahan kepada semua pegawai akademik yang berkelayakan.

4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **20 Julai 2017 (Khamis)** dan permohonan yang lengkap hendaklah di alamatkan kepada **Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Hang Tuah Jaya, 76100, Durian Tunggal, Melaka.**

5. Kerjasama YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. والسلام

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,

DATUK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

b.p Naib Canselor

KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN



Perkara : Iklan Kekosongan Jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) Di Universiti Teknikal
Malaysia Melaka (UTeM)
Muka surat : 2
No. Rujukan : UTeM(S).02.03.03/500-18/8/2 (/ 8)

SENARAI EDARAN

Pendaftar
Pejabat Pendaftar
Universiti Malaya (UM)
50603 KUALA LUMPUR

Pendaftar
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 Minden
PULAU PINANG

Pengarah Eksekutif Pentadbiran
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43650 Bangi
SELANGOR

Pendaftar
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang
SELANGOR

Pendaftar
Bangunan Canselori Sultan Ibrahim
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 UTM Skudai
JOHOR

Pendaftar
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam
SELANGOR

Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok
KEDAH

Perkara : Iklan Kekosongan Jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) Di Universiti Teknikal
Malaysia Melaka (UTeM)
Muka surat : 2
No. Rujukan : UTeM(S).02.03.03/500-18/8/2 (18)

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300 Kota Samarahan
SARAWAK

Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Aras 4, Bangunan Pentadbiran
88400 Kota Kinabalu
SABAH

Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Jalan Slim
35900 Tanjong Malim
PERAK

Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN

Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
86400 Parit Raja, Batu Pahat
JOHOR

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Lebuh Raya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
PAHANG

Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
Tingkat 12, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
PERLIS



IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Pemohon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria kecemerlangan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan berikut:-

1) BUTIR JAWATAN

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Gaji	: Gred Utama B (VU6)
Mata Gaji	: Gaji Minimum (RM8,315.00) Gaji Maksimum (RM22,445.00)
Taraf Lantikan	: Pertukaran Sementara / Peminjaman

2) KRITERIA UMUM DAN KHUSUS

Seorang calon bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:-

A) KRITERIA UMUM

- i) **Kecemerlangan Akademik**
Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dan penyelidikan, penerbitan jurnal berwasiat antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat professional.
- ii) **Pengiktirafan Antarabangsa**
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod

KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN



cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

- iv) **Reputasi**
Menjadi "role model" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- v) **Personaliti**
Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi) **Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan niche area universiti.**

B) KRITERIA KHUSUS

- i) **Mempunyai Ph.D;**
Ini kerana penjawat bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih Guru (Pelantikan) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD.
- ii) **Berpengalaman Dalam Pembentukan Kurikulum (*Curriculum Design*);**
Ini merupakan tugas hakiki TNC (A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum universiti.
- iii) **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran**
TNC (A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan Outcome Based Education.
- iv) **Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan**
Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, penyandang yang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh kerana, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.
- v) **Pengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya**
Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian Siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN



vi) **Hal Ehwal Antarabangsa**

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

3) PERMOHONAN

Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen permohonan yang mengandungi:

- a) Borang Permohonan Jawatan (Lampiran B)
- b) Curriculum vitae yang lengkap dan terkini yang mengandungi:
 - Latar belakang diri/peribadi, keluarga, alamat surat menyurat
 - Latar belakang pendidikan
 - Pengalaman kerjaya
 - Jawatan pentadbiran disandang
 - Senarai penerbitan yang terkini (termasuk jurnal ISI dan buku)
 - Dokumen sokongan (jika berkaitan)

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat:

**Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
Melaka**

4) TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh Tutup Permohonan adalah pada **20 Julai 2017 (Khamis) sebelum jam 5:00 petang**

5) PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung permohonan bolehlah dikemukakan kepada Puan Noor Izwanni binti Amil / Puan Noor Bahirah binti Johal, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, UTeM di talian 06-3316123 / 06-3316138, atau melalui email izwanni@utem.edu.my / nbahirah@utem.edu.my.

KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN





**PERMOHONAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**GAMBAR
BERUKURAN
PASPORT**

1. NAMA :
2. JAWATAN DAN GRED SEKARANG :
3. PERKHIDMATAN SEKARANG :
4. KELULUSAN AKADEMIK :
5. BIDANG PENGHUSUSAN :
6. PENILAIAN PRESTASI : 2014: 2015: 2016:
7. ALAMAT SEMASA :

Sila kemukakan bersama-sama borang ini Curriculum Vitae yang lengkap dan terkini berserta dokumen kelayakan akademik dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 atau dokumen yang berkaitan (jika ada). Permohonan ini hendaklah dihantar melalui Ketua Perkhidmatan pemohon. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikembalikan ke alamat seperti berikut:

Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal
Melaka

Tarikh tutup permohonan: 20 Julai 2017 (Khamis)

KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN

